



## **TEKS UCAPAN**

### **MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.5 TAHUN 2018**

**YBHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN  
MOHAMAD  
KETUA PENGARAH RISDA**

**TEMPAT: AUDITORIUM SULTAN HJ AHMAD SHAH,  
IBU PEJABAT RISDA**

**TARIKH: 28 OGOS 2018 (SELASA)**

**MASA : 9.00 PAGI**

YBhg. Dato' Nasarudin bin Malek  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

YBhg. Encik Abdullah bin Zainal  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

YBrs. Pn. Hajah Kamarul 'Aini binti Awang Ansari  
Pengarah Bahagian Inspektorat & Audit Dalam  
selaku hos Perhimpunan Bulanan RISDA Bil.5 Tahun 2018

Ybhg. Tn.Hj. Sopian bin Abu Bakar  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn.Bhd.

Pengarah-Pengarah Bahagian/ Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif  
Syarikat Milikan RISDA

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian

## **Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama mengucapkan rasa syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Bil. 5/2018. Ribuan terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Inspektorat & Audit Dalam kerana berjaya mengatur dan mengadakan majlis dengan baik pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga RISDA yang memberikan sokongan padu dalam menjayakan program-program RISDA bagi memastikan pembangunan sektor komuniti pekebun kecil terus kukuh serta menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil seterusnya membantu mengukuhkan ekonomi negara.
3. Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam yang juga dikenali sebagai BIAD merupakan salah satu daripada 17 buah Bahagian

yang penting di Ibu Pejabat RISDA. BIAD adalah bahagian yang membantu pengurusan RISDA dengan menjalankan penganuditan ke atas program dan aktiviti bagi mempastikan dasar dan peraturan dipatuhi serta perlaksanaannya dibuat secara cekap dan berkesan. Selain daripada itu, BIAD juga bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara, Ketua Auditan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Unit Audit Dalam Syarikat Milikan RISDA (SMR) dalam melaksanakan tugas auditan pemantauan kepada program aktiviti RISDA dan SMR.

4. Untuk makluman semua kejayaan BIAD sepanjang tahun 2018 melalui Unit Audit Kewangan adalah telah mengaudit Pusat Tanggungjawab (PT) sebanyak 630 kes dengan 212 isu dan 212 pengesyoran telah diberi. Unit Audit Ladang pula telah mengaudit 264 kes dengan 33 teguran kepada 11 buah PT dan 11 Syarikat Milikan RISDA (SMR) beserta 20 pengesyoran telah dikemukakan untuk penambahbaikan. Audit ini merangkumi Program Tanam Semula Berkelompok (TSB) dan Program Tanam Semula Komersial (TSK)

5. Bagi Unit Audit Pengurusan pula 754 kes telah diaudit dengan teguran sebanyak 251 isu beserta pengesyoran yang telah diberi juga sebanyak 251. Manakala Unit Inspektorat pula telah mengaudit 528 kes dengan teguran sebanyak 53 isu dan 53 pengesyoran.

**Hadirlin yang dikasih sekalian,**

6. RISDA telah menyertai pertandingan Penilaian Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIKP) anjuran KPLB di mana panel penilai telah membuat penilaian ke atas dokumen kewangan. BIAD turut terlibat secara langsung menyediakan dokumen dan maklumat untuk disemak oleh panel penilai. Penilaian dilaksanakan pada 14 Ogos 2018 yang lalu di Hevea Perdana. Enter dan Exit Conference semakan panel penilai telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat). Terdapat beberapa kriteria yang perlu dititikberatkan

seperti hala tuju strategik dalam pengurusan kewangan, pengurusan kewangan dan akaun, tadbir urus pengurusan akaun dan peningkatan kualiti pengurusan kewangan.

7. Inspektorat Audit di BIAD juga dilakukan mengikut Memorandum Rancangan Audit (MRA) yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh Pengurusan RISDA dan Jawatankuasa Audit RISDA (JAR). Tajuk Audit Tahun 2018 bagi Unit Audit Pengurusan adalah Pengauditan Pengurusan Aset dan Stor BSTD

di Pusat Tanggungjawab dan Pengauditan Cuti dan Kad Perakam Waktu di Pusat Tanggungjawab. Tajuk Audit bagi Unit Inspektorat pula ialah Pengurusan Program Tanam Semula Individu, Pengurusan Program Tanam Semula Semula Individu dan Bekalan Benih. Manakala Tajuk Audit bagi Unit Audit Kewangan adalah Pengurusan Kewangan dan Akaun Pusat Tanggungjawab. Tajuk Audit bagi Unit Audit Ladang adalah Auditan Tanam Semula Komersial (TSK) (Produktiviti Ladang dan Pemasaran Hasil), Auditan Ladang yang diuruskan oleh RPSB, Auditan Tanam

Semula Berkelompok (Pembangunan). Sebanyak 67 Pusat Tanggungjawab (PT) telah dirancang untuk diaudit. Setakat 31 Julai 2018 sebanyak 65 PT telah siap diaudit dan sebanyak 7 Siasatan Khas telah siap disiasat.

**Para Hadirin sekalian,**

8. Di dalam menjalankan aktiviti yang berkualiti, laporan auditan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit RISDA (JAR)

sebanyak 4 kali setahun di mana keahlian JAR itu terdiri daripada Ahli Pihak Berkuasa RISDA. Setakat 31 Julai 2018, kita telah berjaya melaksanakan 2 kali mesyuarat JAR seperti yang telah dijadualkan pada awal tahun. Namun, sehingga kini mesyuarat seterusnya masih tidak dapat dilaksanakan ekoran berlakunya perubahan perlantikan Ketua Setiausaha Kementerian.

9. Pada hari ini, BIAD akan membuat perlancaran **Accountability Index Monitoring System** yang dikenali sebagai

**AIMS RISDA.** Dengan perkataan lain, AIMS adalah Auditan Kendiri di mana Pusat Tanggungjawab menyenaraikan tahap kepatuhan kepada prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan oleh RISDA. Objektif AIMS adalah lebih banyak pusat tanggungjawab dapat diaudit dalam satu tahun kewangan, meminimakan dan selanjutnya mengelakkan berlakunya penemuan berulang, meningkatkan integriti setiap individu di pusat tanggungjawab di mana maklumat yang diinput adalah yang benar dan betul, tahap integriti seseorang individu dalam melaksanakan

tugas boleh dinilai, maklumat auditan dan penemuan dapat dicapai melalui atas talian walau di mana berada, penyeragaman pelaporan ke atas semua pusat tanggungjawab, dan seterusnya tindakan ke atas penemuan dapat diambil/dipatuhi dengan lebih cepat dan teratur.

10. Adalah menjadi harapan RISDA dengan pelaksanaan Auditan bagi setiap pusat tanggungjawab di Ibu Pejabat mahupun

di Negeri akan mempertingkatkan lagi kualiti kerja serta integiriti di kalangan pegawai serta kakitangan RISDA.

11. Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengarah Bahagian Inspektorat & Audit Dalam, sebagai penganjur serta semua pihak yang telah berusaha serta memberi kerjasama dalam menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan pada pagi ini.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih.